



# GARIS PANDUAN

## EKOSISTEM

## KONDUSIF

## SEKTOR

## AWAM

**MAJLIS PERBANDARAN SIBU**  
**VERSI 1 / 2024**



## MAJLIS PERBANDARAN SIBU

© 2024, Majlis Perbandaran Sibu

Hak reka cipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh dihasilkan, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara - elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain, tanpa kebenaran Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Sibu Sarawak.

Sebarang pertanyaan mengenai dokumen ini boleh ditujukan kepada

Pemangku Setiausaha Perbandaran  
Tingkat 19-24, Wisma Sanyan,  
No. 1, Jalan Sanyan,  
Peti Surat 557,  
96007 Sibu,  
Sarawak.

Tel: +6084-333411  
Faks: +084-320240  
E-mail: [smc@smc.gov.my](mailto:smc@smc.gov.my)  
Laman Web: <https://smc.gov.my>



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU



# PRAKATA



**SETIAUSAHA PERBANDARAN  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU**

Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang.

Bersyukur kita kerana Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi Majlis Perbandaran Sibu (MPS) yang telah berjaya diwujudkan. Inisiatif penerbitan garis panduan EKSA MPS ini adalah untuk menyokong usaha dalam memperkuatkuhan budaya organisasi yang berprestasi tinggi di kalangan warga MPS selain menjadi rujukan ke arah pelaksanaan aktiviti EKSA dengan lebih berkesan serta mewujudkan MPS berimej korporat.

EKSA adalah merupakan penjenamaan semula amalan 5S yang merupakan satu usaha untuk memantapkan pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif bagi meningkatkan produktiviti dan melahirkan warga sektor awam yang berinovatif serta kreatif. Antara elemen EKSA yang diterapkan adalah pembudayaan amalan hijau atau *go green* yang sememangnya relevan dengan MPS.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA, Majlis Perbandaran Sibu atas penerbitan Garis Panduan Pelaksanaan EKSA MPS. Semoga warga MPS dapat manfaatkan panduan ini sebaik-baiknya dalam menambahbaik pelaksanaan EKSA di MPS bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

**“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”  
“AN HONOUR TO SERVE”**

**YONG ING CHU**

Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Sibu

Tarikh : 31 Mei 2024



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU

# SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN		MUKA SURAT
<b>Hak Reka Cipta Terpelihara</b>		i
<b>Prakata</b>		ii
<b>Senarai Kandungan</b>		iii - v
<b>Senarai Singkatan, Senarai Rajah &amp; Senarai Lampiran</b>		vi
<b>Bab 1</b>	<b>Tujuan</b>	1
<b>Bab 2</b>	<b>Latar Belakang EKSA Majlis Perbandaran Sibu</b>	2
<b>Bab 3</b>	<b>Pengenalan EKSA</b>	3
<b>Bab 4</b>	<b>Konsep EKSA</b>	4
	<b>4.1 Panduan EKSA</b>	4-5
	<b>4.2 Elemen Baharu EKSA</b>	5
	<b>4.2.1 Imej Korporat</b>	6
	<b>4.2.2 Kreativiti dan Inovasi</b>	6
	<b>4.2.3 Amalan Hijau atau <i>Go Green</i></b>	6
	<b>4.2.4 Persekitaran Kondusif</b>	6
	<b>4.2.5 Kepelbagai Agensi</b>	7
	<b>4.3 Faedah Pengamalan EKSA</b>	7
<b>BAB 5</b>	<b>Pelaksanaan EKSA</b>	8
	<b>5.1 Polisi/ Dasar EKSA</b>	8
	<b>5.2 Objektif EKSA</b>	8
	<b>5.3 Logo EKSA dan Maksud</b>	8
	<b>5.4 Slogan EKSA dan Maksud</b>	9
	<b>5.5 Penubuhan Jawatankuasa dan Peranan EKSA</b>	9
	<b>5.5.1 Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA</b>	9
	<b>5.5.2 Peranan Jawatankuasa</b>	9-12
	<b>5.6 Penwujudan Zon</b>	13
	<b>5.7 Keperluan Jawatankuasa EKSA Peringkat Zon</b>	14
	<b>5.7.1 Jawatankuasa EKSA Peringkat Zon</b>	14
	<b>5.7.2 Peranan Jawatankuasa EKSA Peringkat Zon</b>	14-15
	<b>5.8 Keperluan Sudut EKSA</b>	15
	<b>5.8.1 Sudut EKSA Induk</b>	15
	<b>5.8.2 Sudut EKSA Zon</b>	15-16

	<b>5.8.3 Keperluan Fail EKSA</b>	<b>16</b>
	<b>5.8.3.1 Jawatankuasa Induk</b>	<b>16</b>
	<b>5.8.3.2 Jawatankuasa Audit Dalam</b>	<b>17</b>
	<b>5.8.3.3 Jawatankuasa Latihan</b>	<b>17-18</b>
	<b>5.8.3.4 Jawatankuasa Promosi</b>	<b>18</b>
	<b>5.8.3.5 Zon EKSA</b>	<b>19</b>
<b>BAB 6</b>	<b>Tindakan Pelaksanaan EKSA</b>	<b>20</b>
	<b>6.1 Komponen A: Keperluan Utama Pelaksanaan</b>	<b>20-22</b>
	<b>6.2 Komponen B: Ruang Tempat Kerja/ Pejabat</b>	<b>23-26</b>
	<b>6.3 Komponen C: Tempat Umum</b>	<b>27-29</b>
	<b>6.4 Komponen D: Keselamatan Persekutaran</b>	<b>30</b>
	<b>6.5 Komponen E: Kawasan Persekutaran Jabatan</b>	<b>31</b>
	<b>6.6 Komponen F: Khusus</b>	<b>32</b>
<b>BAB 7</b>	<b>Pelaksanaan Audit Dalam</b>	<b>33</b>
<b>BAB 8</b>	<b>Pensijilan EKSA</b>	<b>34</b>
	<b>8.1 Proses Pensijilan EKSA</b>	<b>34</b>
	<b>8.2 Tempoh Sah Laku Sijil</b>	<b>34</b>
	<b>8.3 Permohonan Rasmi</b>	<b>34-35</b>
	<b>8.4 Kos</b>	<b>35</b>
<b>BAB 9</b>	<b>Penutup</b>	<b>36</b>
<b>BAB 10</b>	<b>Lampiran</b>	<b>37</b>
	<b>10.1 Lampiran 1 – Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana EKSA</b>	<b>38-39</b>
	<b>10.2 Lampiran 2 – Pelan Lantai</b>	<b>40</b>
	<b>10.2.1 Zon Hibiscus Rosa Sinensis</b>	<b>41</b>
	<b>10.2.2 Zon Cup Saucer</b>	<b>42</b>
	<b>10.2.3 Zon Wood Bridge</b>	<b>43-44</b>
	<b>10.2.4 Zon Scarlet Red</b>	<b>45</b>
	<b>10.2.5 Zon Black Prince</b>	<b>46</b>
	<b>10.2.6 Zon Black Dragon</b>	<b>47</b>
	<b>10.2.7 Zon Bright Hope</b>	<b>48</b>
	<b>10.2.8 Zon Pink Power Puff</b>	<b>49-50</b>
	<b>10.2.9 Zon Fire Truck</b>	<b>51</b>
	<b>10.2.10 Zon Ritt 470</b>	<b>52-53</b>
	<b>10.2.11 Zon Exquisite</b>	<b>54</b>

	<b>10.2.12 Zon Frank's Lady</b>	55
	<b>10.2.13 Zon Aloha</b>	56
	<b>10.2.14 Zon Fiery Light</b>	57
	<b>10.2.15 Zon Vasco</b>	58-59
	<b>10.2.16 Zon President &amp; Dua (2) Subzon</b>	
	<b>10.2.16.1 Zon President (Perpustakaan Awam, Jalan Keranji)</b>	60-62
	<b>10.2.16.2 Subzon A (Perpustakaan Grand Height)</b>	63-64
	<b>10.2.16.3 Subzon B (Perpustakaan, Jalan Sukun)</b>	65
	<b>10.3 Lampiran 3 – Kriteria Audit Dalam bagi Setiap Komponen</b>	66-128
	<b>10.4 Borang EKSA 1 – Nota Audit Dalam</b>	129
	<b>10.5 Borang EKSA 2 – Pengiraan Purata Markah Keseluruhan</b>	130-131
	<b>10.6 Borang EKSA 3 – Ulasan/ Cadangan Laporan Audit EKSA &amp; Contoh</b>	132-133



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU



# SENARAI SINGKATAN

BIL.	SINGKATAN	MAKSUD
1.	EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam
2.	MAMPU	<i>Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i>
3.	MPS	Majlis Perbandaran Sibu

# SENARAI RAJAH

BIL.	RAJAH	PERKARA
1.	Rajah 1	Rujukan terkini bagi Panduan Pelaksanaan EKSA
2.	Rajah 2	Amalan 5S Sektor Awam
3.	Rajah 3	Faedah Pengamalan EKSA
4.	Rajah 4	Senarai Zon dan Subzon EKSA
5.	Rajah 5	Contoh Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA Peringkat Zon
6.	Rajah 6	Proses Pensijilan EKSA
7.	Rajah 7	Permakaian dan Kategori Sijil

# SENARAI LAMPIRAN

BIL.	LAMPIRAN	PERKARA
1.	Lampiran 1	Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA
2.	Lampiran 2	Pelan Lantai
3.	Lampiran 3	Kriteria Audit Dalam



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU

# BAB 1 TUJUAN

Garis Panduan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bagi Majlis Perbandaran Sibu (MPS) bertujuan:

- i. Sebagai panduan kepada warga Majlis Perbandaran Sibu (MPS) untuk melaksanakan EKSA mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan;
- ii. Memberi penerangan yang jelas tentang konsep pelaksanaan EKSA yang mesti dipatuhi;
- iii. Sebagai usaha untuk mengekalkan amalan EKSA; dan
- iv. Sebagai rujukan kepada Audit Dalam untuk melaksanakan pengauditan EKSA di setiap zon.




## BAB 2 LATAR BELAKANG EKSA MAJLIS PERBANDARAN SIBU

Seiringan dengan usaha mentransformasi perkhidmatan awam, pemantapan dalam pengurusan persekitaran tempat kerja perlu dilaksanakan bagi meningkatkan imej korporat dan profesionalisme organisasi.

Pengurusan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik melalui Program Amalan 5S merupakan satu pendekatan yang diterimakai dan dipraktikkan secara universal. Pelaksanaan Amalan 5S dapat membantu warga Majlis Perbandaran Sibu merancang dan melaksanakan usaha menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Bagi menambahbaik pelaksanaan Amalan 5S, pihak MAMPU telah menjenamakan semula Amalan 5S kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) selaras dengan usaha melahirkan identiti tersendiri tanpa menggunakan nama 5S yang berasal dari Jepun, iaitu **Sisih (Seiri), Susun (Seiton), Sapu (Seiso), Seragam (Seiketsu) dan Sentiasa Amal (Shitsuke)**. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambahbaik di samping beberapa elemen baharu yang diperkenalkan.

Pelaksanaan EKSA di Majlis Perbandaran Sibu merupakan rentetan dari pelaksanaan Amalan 5S yang telah dilaksanakan sebelum ini. Bagi memenuhi agenda kerajaan dalam mentransformasikan perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, berproduktif dan berdaya saing, pihak pengurusan Majlis Perbandaran Sibu telah mengambil inisiatif melaksanakan EKSA di Majlis Perbandaran Sibu.

Panduan EKSA bagi Majlis Perbandaran Sibu ini diharap dapat memantapkan lagi pengurusan persekitaran pejabat sehingga semua warga Majlis Perbandaran Sibu dapat bekerja dalam persekitaran tempat kerja yang sistematik, selesa dan kondusif.



# BAB 3 PENGENALAN EKSA

EKSA telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S Sektor Awam dengan mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia. Langkah penjenamaan semula ini difikirkan sesuai dan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa untuk meningkatkan prestasi dan daya saing organisasi di samping menyemarakkan lagi budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan jabatan/agensi sektor awam. Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan Amalan 5S yang ditambahbaik di samping beberapa elemen baharu yang diperkenalkan.




© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU



# BAB 4 KONSEP EKSA

## 4.1 PANDUAN EKSA



Rajah 1: Rujukan terkini bagi Panduan Pelaksanaan EKSA

Komponen utama dalam EKSA masih berteraskan kepada Sisih (*Seiri*), Susun (*Seiton*), Sapu (*Seiso*), Seragam (*Seiketsu*) dan Sentiasa Amal (*Shitsuke*) dalam Amalan 5S Sektor Awam dengan keterangan seperti yang berikut:



### SISIH (SEIRI)

- Merupakan pengasingan dan pelupusan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja.

### SUSUN (SEITON)

- Peralatan dengan teratur, kemas, berkesan, selamat dan mudah dicapai.

### SAPU (SEISO)

- Untuk memastikan ruang tempat kerja atau peralatan bersih daripada habuk/debu yang boleh menjelaskan fungsi peralatan, kualiti dan kesihatan

### SERAGAM (SEIKETSU)

- Bermaksud sekeadaan, sebentuk dan sewarna sama ada pada ciri-ciri, susun atur atau peraturannya.

### SENTIASA AMAL (SHITSUKEI)

- Ialah usaha mengekalkan 4 amalan 5S iaitu sisih, susun, sapu dan seragam di samping melaksanakan penambahbaikan berterusan di jabatan/agensi masing-masing.

**Rajah 2: Amalan 5S Sektor Awam**

## 4.2 ELEMEN BAHARU EKSA

Lima (5) penambahan elemen baharu dalam EKSA adalah seperti yang berikut:

- Imej Korporat;
- Kreativiti dan Inovasi;
- Amalan Hijau;
- Persekuturan Kondusif; dan
- Kepelbagai Agensi.



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU



## **4.2.1 IMEJ KORPORAT**

Imej Korporat merujuk kepada identiti atau persepsi pelanggan/pihak berkepentingan terhadap persekitaran, tindakan dan pencapaian sesebuah organisasi. Nilai, etika dan norma kerja yang seragam dalam kalangan warga kerja amat diperlukan untuk mewujudkan budaya korporat yang positif. Selain ciri-ciri ini, EKSA juga turut menitikberatkan aspek keselamatan persekitaran di setiap jabatan/agensi sektor awam.

## **4.2.2 KREATIVITI DAN INOVASI**

Dalam usaha untuk mempertingkatkan produktiviti di tempat kerja, EKSA menggalakkan warga Majlis Perbandaran Sibu membudayakan elemen kreativiti dan inovasi semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Persekitaran sektor awam yang berubah mengikut peredaran masa menuntut penwujudan budaya organisasi yang dinamik berasaskan kreativiti dan inovasi. Warga Majlis Perbandaran Sibu digalakkan untuk sentiasa berfikir di luar kotak (*out of the box*) untuk menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat.

## **4.2.3 AMALAN HIJAU ATAU *GO GREEN***

Penekanan turut diberikan pada aspek Amalan Hijau di pejabat dengan melaksanakan program seperti kitar semula dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ke arah penjimatan sumber. Aktiviti Amalan Hijau diharapkan dapat diterapkan kepada keseluruhan warga Majlis Perbandaran Sibu ke arah penggunaan sumber secara optimum.

## **4.2.4 PERSEKITARAN KERJA KONDUSIF**

Persekitaran kondusif adalah penting dalam memperkuuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif di Majlis Perbandaran Sibu. Amalan EKSA menggalakkan Majlis Perbandaran Sibu memberikan penekanan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang mesra pelanggan dan menampilkan elemen "*delighting customers*" seperti penyediaan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU), wanita mengandung dan warga emas.



## 4.2.5 KEPELBAGAIAN AGENSI

EKSA memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi kriteria generik dan kriteria khusus dengan mengambil kira kepelbagaian premis di bawah Majlis Perbandaran Sibu mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan. Sistem pengauditan ini lebih memahami pelaksanaan perkhidmatan yang diberikan mengikut jabatan.

## 4.3 FAEDAH PENGAMALAN EKSA



Rajah 3: Faedah Pengamalan EKSA



# BAB 5 PELAKSANAAN EKSA

## 5.1 POLISI/DASAR EKSA

Bagi mempertingkatkan perkhidmatan masyarakat dengan kesesuaian persekitaran kerja menerusi kerjasama kumpulan dan disiplin diri demi kejayaan pelaksanaan amalan EKSA.

## 5.2 OBJEKTIF EKSA

- i. Memastikan persekitaran dan suasana kerja yang sentiasa bersih, kemas dan selamat sepanjang masa;
- ii. Memupuk semangat kerja berpasukan dan kekitaan serta bermotivasi di kalangan warga kerja;
- iii. Mempertingkatkan produktiviti dan kualiti di samping mempertingkatkan tahap kepuasan pelanggan; dan
- iv. Menerapkan amalan penyelenggaraan sebagai budaya kerja yang berterusan.

## 5.3 LOGO EKSA DAN MAKSUD



### DEFINISI LOGO:

1. Menjadikan Majlis Perbandaran Sibu sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang melaksanakan EKSA;
2. Bulatan logo EKSA melambangkan kesepakatan yang diperlukan daripada semua warga MPS untuk menjayakan program; dan
3. Warna hijau yang menunjukkan jabatan ini menyokong pendekatan Amalan Hijau (GO Green) yang perlu ada dalam memelihara alam sekitar.

## 5.4 SLOGAN EKSA DAN MAKSUD

“Persekutuan Kondusif, Pemangkin Perkhidmatan Produktif”

### MAKSUD SLOGAN:

Dengan harapan yang besar pihak majlis agar semua warga Majlis dapat menjadikan amalan EKSA sebagai amalan mereka di tempat kerja agar dapat mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat.

## 5.5 PENUBUHAN JAWATANKUASA DAN PERANAN EKSA

### 5.5.1 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PELAKSANA AMALAN EKSA

[Sila rujuk Lampiran 1]

### 5.5.2 PERANAN JAWATANKUASA

PENAUNG	
1.	Memberi galakan dan sokongan kepada Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA dalam melaksanakan aktiviti;
2.	Memberi nasihat dan pandangan kepada Jawatankuasa;
3.	Membantu dalam mendapatkan peruntukan kewangan.

PENGERUSI	
1.	Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan Amalan EKSA;
2.	Membentuk pelan tindakan pelaksanaan Amalan EKSA;
3.	Menetapkan polisi/dasar, peraturan dan garis panduan;
4.	Menentukan belanjawan dan sumber-sumber kewangan;
5.	Melantik penyelaras, ketua jawatankuasa kecil dan fasilitator;
6.	Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan;
7.	Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan dengan bantuan Jawatankuasa Kecil (Latihan, Promosi & Audit Dalam);
8.	Memantau kemajuan pelaksanaan Amalan EKSA melalui contoh amalan terbaik; dan
9.	Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA.



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU

<b>TIMBALAN PENGERUSI</b>	
1.	Membantu Pengerusi dalam keseluruhan pelaksanaan Amalan EKSA;
2.	Membentuk pelan tindakan pelaksanaan Amalan EKSA bersama dengan Pengerusi;
3.	Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan bersama dengan Pengerusi;
4.	Memantau belanjawan dan sumber-sumber kewangan;
5.	Memantau penyelaras, ketua jawatankuasa kecil dan fasilitator;
6.	Memantau sistem pengiktirafan/penghargaan;
7.	Membantu dalam mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan (Latihan, Promosi & Audit Dalam);
8.	Memantau kemajuan pelaksanaan Amalan EKSA melalui contoh amalan terbaik; dan
9.	Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA bagi pihak Pengerusi semasa Pengerusi menjalankan tugas rasmi di stesen luar, bercuti atas atas arahan Pengerusi.

<b>FASILITATOR</b>	
1.	Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon dan ahli;
2.	Memastikan semua kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan;
3.	Menentukan pembahagian zon;
4.	Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana; dan
5.	Menyelaras dan memantau aktiviti.

<b>PENYELARAS</b>	
1.	Menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA secara berkala;
2.	Menyelaras program Amalan EKSA;
3.	Melaporkan kemajuan status pelaksanaan Amalan EKSA;
4.	Membantu pengurusan aktiviti promosi, latihan dan audit; dan
5.	Menghebahkan maklumat terkini pelaksanaan Amalan EKSA dalam organisasi.



SEKRETARIAT	
1.	Menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA;
2.	Menyimpan rekod utama dan minit berkaitan dengan pelaksanaan Amalan EKSA;
3.	Memastikan promosi, audit dan latihan dilaksanakan mengikut perancangan; dan
4.	Memastikan aktiviti Pelaksanaan Amalan EKSA dijalankan secara sistematik dan berterusan.

JAWATANKUASA PROMOSI	
1.	Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi Amalan EKSA;
2.	Mengenalpasti aktiviti/kempen promosi bagi memupuk kesedaran penyertaan untuk menjayakan pelaksanaan Amalan EKSA (Contoh: menyediakan flyer, brosur, banner dan mengambil gambar berkaitan EKSA);
3.	Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan; dan
4.	Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran Amalan EKSA di kalangan warga jabatan/agensi;
5.	Mengadakan Pelancaran Amalan EKSA di MPS;
6.	Menyimpan dan mengemaskini fail dokumen JK Promosi;
7.	Memberi anugerah secara berkala kepada kumpulan pemenang bagi menghargai penyertaan; dan
8.	Menganjurkan pertandingan antara zon untuk mengekalkan aktiviti Amalan EKSA.

JAWATANKUASA AUDIT DALAM	
1.	Menyediakan dan menyemak kriteria audit dalam Amalan EKSA dari semasa ke semasa mengikut keperluan;
2.	Menentukan kekerapan aktiviti audit dalam Amalan EKSA;
3.	Menjalankan audit dalam EKSA (2 kali setahun);
4.	Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit dalam Amalan EKSA;
5.	Menyediakan Laporan Penilaian Kendiri ( <i>Self-Assessment</i> ) Amalan EKSA kepada MAMPU (selepas setahun menerima pensijilan); dan
6.	Menyimpan dan mengemaskini fail dokumen Jawatankuasa



Audit Dalam.
--------------

<b>JAWATANKUASA LATIHAN</b>	
1.	Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk budaya Amalan EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi;
2.	Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti Amalan EKSA;
3.	Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan Amalan EKSA secukupnya;
4.	Menyimpan dan mengemaskini fail dokumen Jawatankuasa Latihan; dan
5.	Mengadakan lawatan sambil belajar/ penandaarasan ke organisasi yang mengamalkan Amalan EKSA.

<b>KETUA-KETUA ZON</b>	
1.	Mengadakan mesyuarat secara berkara dengan ahli-ahli kumpulan;
2.	Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan aktiviti Amalan EKSA;
3.	Merancang aktiviti kumpulan;
4.	Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan Amalan EKSA kepada fasilitator; dan
5.	Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan; dan
6.	Mengemaskini sudut EKSA.

<b>AHLI-AHLI</b>	
1.	Memberikan komitmen secara berterusan dalam pelaksanaan Amalan EKSA;
2.	Menyertai aktiviti Amalan EKSA secara aktif;
3.	Bekerjasama dalam kumpulan; dan
4.	Menghadiri mesyuarat dan menyumbangkan idea bagi menjayakan pelaksanaan Amalan EKSA.



## 5.6 PENWUJUDAN ZON

1. Tujuan penwujudan Zon EKSA adalah untuk memudahkan pelaksanaan dan pengawasan aktiviti yang dijalankan.
2. Kawasan Majlis Perbandaran Sibu telah dibahagikan kepada **16 Zon EKSA**. **Hanya Zon President sahaja mempunyai dua (2) Subzon**.
3. Senarai Zon dan Subzon EKSA bagi kawasan Majlis Perbandaran Sibu adalah seperti **Rajah 4** seperti yang berikut:



[Sila rujuk Lampiran 2 untuk Pelan Lantai]


**Rajah 4: Senarai Zon dan Subzon EKSA**



## **5.7 KEPERLUAN JAWATANKUASA EKSA PERINGKAT ZON**

### **5.7.1 JAWATANKUASA EKSA PERINGKAT ZON**

- i. Jawatankuasa EKSA peringkat zon perlu dibentuk;
- ii. Pelantikan ahli Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA peringkat zon dibuat oleh Ketua Zon; dan
- iii. Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA peringkat zon wajib merangkumi komponen seperti berikut:



**Rajah 5: Contoh Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana Amalan EKSA Peringkat Zon**

[Nota: Bilangan ahli tertakluk kepada kemampuan pelaksanaan EKSA & kapasiti sumber manusia peringkat zon.]

### **5.7.2 PERANAN JAWATANKUASA EKSA PERINGKAT ZON**

- i. Membentuk hala tuju dan pelan perancangan di peringkat Zon;
- ii. Membentuk jawatankuasa peringkat Zon;
- iii. Mengenalpasti pelaksanaan EKSA peringkat Zon;
- iv. Melaksana aktiviti-aktiviti EKSA peringkat Zon;
- v. Memantau pelaksanaan EKSA peringkat Zon;
- vi. Memastikan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti mana yang dinyatakan dalam Garis Panduan EKSA Majlis Perbandaran Sibu yang terkini;



- vii. Menyediakan Sudut EKSA zon di lokasi yang strategik; dan
- viii. Menyediakan dan sentiasa mengemaskini fail EKSA peringkat Zon.

## 5.8 KEPERLUAN SUDUT EKSA

1. Kaedah penyaluran penyampaian adalah secara fizikal dengan menggunakan ruang pejabat (seperti dinding/papan kenyataan) atau secara maya; dan
2. Tarikh kemas kini semua dokumen/ bahan sudut EKSA wajib dilengkapi dengan tandatangan oleh Setiausaha Perbandaran/ Pemangku Setiausaha Perbandaran/ Pegawai yang diturunkan kuasa perlu dipamerkan.

### 5.8.1 SUDUT EKSA INDUK

1. Lokasi Sudut EKSA Induk: Ruang Legar Tingkat 24
2. Sudut EKSA induk perlu meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:
  - a. Dasar/Polisi & Objektif Amalan EKSA;
  - b. Logo EKSA;
  - c. Slogan EKSA;
  - d. Carta Organisasi EKSA Induk;
  - e. Pelan Lantai;
  - f. Carta Perbatuan Jawatankuasa Induk;
  - g. Informasi/ Hebahan (Catatan: Untuk tujuan promosi, informasi yang dipamer melibatkan makluman/gambar bagi aktiviti seperti Gotong royong, Anugerah/Penghargaan dan slot Buletin EKSA);
  - h. Gambar SEBELUM dan SELEPAS Aktiviti;
  - i. Tarikh Kemaskini Sudut EKSA; dan
  - j. Sijil EKSA (Setelah dipersijilkan).

### 5.8.2 SUDUT EKSA ZON

Sudut EKSA setiap zon perlu meliputi perkara-perkara seperti yang berikut:

- i. Nama Zon;
- ii. Dasar/Polisi dan Objektif Amalan EKSA;
- iii. Logo EKSA;



- iv. Slogan EKSA;
- v. Carta Organisasi Peringkat Zon;
- vi. Pelan Lantai Peringkat Zon;
- vii. Carta Perbatuan Peringkat Zon;
- viii. Gambar SEBELUM & SELEPAS Aktiviti; dan
- ix. Informasi berkaitan EKSA (Catatan: untuk tujuan promosi, informasi yang dipamer melibatkan makluman/gambar bagi aktiviti seperti Gotong-royong, Anugerah/Penghargaan dan slot Buletin EKSA);
- x. Tarikh Kemaskini Sudut EKSA; dan
- xi. Sijil EKSA (Setelah dipersijilkan).

### **5.8.3 KEPERLUAN FAIL EKSA**

#### **5.8.3.1 JAWATANKUASA INDUK**

BIL.	TAJUK	KANDUNGAN
1.	<b>Pengenalan</b>	i. Garis Panduan EKSA
2.	<b>Carta Organisasi</b>	i. Jawatankuasa Induk ii. Jawatankuasa Pelaksana iii. Zon
3.	<b>Carta Perbatuan</b>	i. Induk ii. Jawatankuasa Pelaksana
4.	<b>Minit Mesyuarat</b>	i. Induk
5.	<b>Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM &amp; SELEPAS)</b>	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	<b>Audit Dalaman</b>	i. Semua perkara berhubung dengan audit dalam
7.	<b>Lain-Lain</b>	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.



### 5.8.3.2 JAWATANKUASA AUDIT DALAM

BIL.	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	i. Jawatankuasa Audit Dalam
3.	Carta Perbatuan	i. Jawatankuasa Audit Dalam
4.	Minit Mesyuarat	i. Jawatankuasa Audit Dalam
5.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	Audit Dalaman	i. Kriteria Audit Dalam (Seperti di <b>Lampiran 3</b> ) ii. Laporan penemuan audit dalam
7.	Lain-Lain	Semua perkara yang berhubung dengan audit dalam

### 5.8.3.3 JAWATANKUASA LATIHAN

BIL.	TAJUK	KANDUNGAN
1.	Pengenalan	i. Garis Panduan EKSA
2.	Carta Organisasi	ii. Jawatankuasa Latihan
3.	Carta Perbatuan	ii. Jawatankuasa Latihan
4.	Minit Mesyuarat	i. Jawatankuasa Latihan
5.	Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM & SELEPAS)	iii. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA iv. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama
6.	Latihan/ Kursus/ Taklimat	i. Borang Penilaian Latihan/ Kursus/ Taklimat ii. Analisa Penilaian Latihan/ Kursus/ Taklimat iii. Aktiviti Lawatan Penandaaran yang diadakan dan diterima



<b>7.</b>	<b>Lain-Lain</b>	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.
-----------	------------------	--

### **5.8.3.4 JAWATANKUASA PROMOSI**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KANDUNGAN</b>
<b>1.</b>	<b>Pengenalan</b>	i. Garis Panduan EKSA
<b>2.</b>	<b>Carta Organisasi</b>	i. Jawatankuasa Promosi
<b>3.</b>	<b>Carta Perbatuan</b>	i. Jawatankuasa Promosi
<b>4.</b>	<b>Minit Mesyuarat</b>	i. Jawatankuasa Promosi
<b>5.</b>	<b>Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM &amp; SELEPAS)</b>	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA. ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama.
<b>6.</b>	<b>Informasi/ Hebahan EKSA</b>	i. Maklumat informasi/ hebahan EKSA ii. Aktiviti informasi/ hebahan EKSA iii. <i>Best Practices</i> iv. Laporan Lawatan Penandaarasan EKSA MPS
<b>7.</b>	<b>Lain-Lain</b>	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.



### 5.8.3.5 ZON EKSA

BIL.	TAJUK	KANDUNGAN
1.	<b>Pengenalan</b>	i. Garis Panduan EKSA.
2.	<b>Carta Organisasi</b>	i. Jawatankuasa zon
3.	<b>Pelan Lantai</b>	i. Pelan lantai zon
4.	<b>Carta Perbatuan</b>	i. Carta perbatuan zon
5.	<b>Minit Mesyuarat</b>	i. Mesyuarat zon
6.	<b>Gambar Aktiviti (Gambar SEBELUM &amp; SELEPAS)</b>	i. Gambar yang diambil mempamerkan suasana aktiviti EKSA. ii. Tarikh gambar diambil perlu dipaparkan bersama.
7.	<b>Analisa Penjimatan</b>	i. Laporan analisa penjimatan
8.	<b>Kreativiti dan Inovasi Zon</b>	i. Amalan kreativiti dan inovasi zon
9.	<b>Lain-Lain</b>	Maklumat dokumen tambahan seperti memo, surat, rekod belanjawan, maklum balas, laporan dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan aktiviti EKSA selain daripada yang dinyatakan dalam jadual di atas.



© GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU

# BAB 6 TINDAKAN PELAKSANAAN EKSA

Penekanan terhadap pelaksanaan EKSA terbahagi kepada 6 komponen utama merangkumi keseluruhan persekitaran tempat kerja di Majlis Perbandaran Sibu iaitu:

Komponen A	: Keperluan Utama Pelaksanaan
Komponen B	: Ruang Tempat Kerja/ Pejabat
Komponen C	: Tempat Umum
Komponen D	: Keselamatan Persekutaran
Komponen E	: Kawasan Persekutaran Jabatan <ul style="list-style-type: none"><li>• Komponen E1: Agensi Mempunyai Bangunan dan Kawasan Sendiri (Hanya untuk Zon Black Prince, Zon Black Dragon, Zon Fire Truck, Zon Aloha, Zon Fiery Light, Zon Vasco dan Zon President)</li></ul>
Komponen F	: Khusus <ul style="list-style-type: none"><li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li><li>• Umum - Bilik Perbincangan &amp; Kolam Renang</li></ul>

## 6.1 KOMPONEN A: KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN

SUB KOMPONEN		KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN
A1	Dasar EKSA	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menyediakan garis panduan selaras dengan Dasar/Polisi EKSA MPS</li><li>2. Menyebar Dasar/Polisi dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja MPS memahaminya</li><li>3. Memastikan EKSA diamalkan dan dipatuhi oleh semua warga agensi MPS</li><li>4. Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA MPS disusun dengan teratur dan sentiasa dikemas kini termasuk perkara yang berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>i. Minit mesyuarat</li><li>ii. Surat lantikan Jawatakuasa</li><li>iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa</li></ol></li><li>5. Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA MPS seperti ketetapan agensi/ garis panduan yang dibangunkan oleh agensi</li><li>6. a) Menyediakan dan memaparkan <b>sudut EKSA</b> di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara seperti yang berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>i. Dasar/Polisi EKSA MPS</li><li>ii. Carta organisasi</li></ol></li></ol>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Gambar aktiviti <b>sebelum</b> dan <b>selepas</b></li> <li>iv. Pelan lantai</li> <li>v. Carta perbatuan semasa</li> <li>vi. Informasi/ hebahan</li> <li>vii. Tarikh kemas kini sudut EKSA</li> </ul> <p>b) Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemas kini dan dalam keadaan baik</p>
A2	Jawatankuasa Pelaksana EKSA	<p>7. a) Membentuk dan melantik Jawatankuasa Pelaksana EKSA MPS yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga Jawatankuasa seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jawatankuasa Latihan</li> <li>ii. Jawatankuasa Promosi</li> <li>iii. Jawatankuasa Audit</li> </ul> <p>b) Melantik fasilitator terlatih sebagai pakar rujuk pelaksanaan EKSA MPS</p> <p>8. Merancang dan melaksana program/ aktiviti EKSA MPS secara berkala seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyedia dan mengemaskini carta perbatuan aktiviti</li> <li>ii. Menyebar maklumat latihan, promosi dan audit</li> <li>iii. Melaksana program pengayaan ilmu</li> </ul>
A3	Penglibatan Pengurusan Atasan	<p>9. Melibatkan pengurusan atasan MPS sebagai penaung/ penasihat EKSA</p> <p>10. Melibatkan pengurusan atasan MPS dalam aktiviti EKSA seperti program kesedaran/ pendedahan dan lawatan</p> <p>11. Membentang dan melaporkan pelaksanaan aktiviti EKSA MPS dalam Mesyuarat Pengurusan</p>
A4	Penilaian Kendiri ( <i>Self-Assessment</i> )	<p>12. Melaksana audit dalam pematuhan/ audit dalam MPS secara berterusan sama ada oleh Jawatankuasa Dalam MPS sekurang-kurangnya dua kali setahun</p> <p>13. Menyebarluaskan hasil/ laporan audit MPS dalam untuk makluman dan tindakan susulan warga MPS</p> <p>14. Mengemukakan Laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan (hanya untuk pensijilan semula)</p>
A5	Pengiktirafan	<p>15. Melaksanakan program pengiktirafan EKSA di peringkat MPS seperti contoh anugerah yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Zon Terbaik</li> <li>ii. Bilik Pegawai Terbaik</li> <li>iii. Bahagian Terbaik</li> <li>iv. Kubikel Kerja Terbaik</li> <li>v. Hasil Kreativiti Terbaik</li> <li>vi. Stor Terbaik</li> </ul> <p>16. Menerima pengiktirafan dan ditanda aras sama ada di</p>



		<p>peringkat jabatan/ daerah/ negeri/ kebangsaan atau lain-lain</p> <p>17. Menyebarluaskan dan mempamerkan maklumat mengenai program pengiktirafan kepada semua warga MPS</p>
A6	Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi	<p>18. Melaksanakan inovasi/ amalan baik (<i>best practice</i>) yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga MPS</p> <p>19. Melaksanakan program kreativiti dan inovasi seperti contoh yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kreativiti menggunakan barang terpakai</li> <li>ii. Barang terpakai untuk hiasan</li> <li>iii. Hiasan/ kegunaan EKSA</li> </ul>
A7	Tindakan Penjimatan/ Go Green	<p>20. a) Melaksanakan program penjimatan tenaga/ sumber MPS secara menyeluruh seperti contoh-contoh berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Notis/ arahan penjimatan</li> <li>ii. Penggunaan lampu/ peralatan jimat tenaga (<i>save energy</i>)</li> <li>iii. Penjimatan kertas</li> <li>iv. Penjimatan air</li> <li>v. Kempen hijau</li> </ul> <p>b) Melaksanakan program/ usaha kitar semula peringkat MPS</p> <p>c) Menyediakan analisis penjimatan, contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kos</li> <li>ii. Masa</li> <li>iii. Tenaga Pekerja</li> <li>iv. Ruang</li> </ul>



## 6.2 KOMPONEN B: RUANG TEMPAT KERJA/ PEJABAT FIZIKAL

SUB KOMPONEN		KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN
B1	Lantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan lantai memenuhi kriteria yang berikut:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Selamat dan tidak licin</li> <li>ii. Tiada kekotoran/ sampah di lantai</li> <li>iii. Tidak berlubang/ pecah atau rosak</li> <li>iv. Tong sampah disediakan</li> </ul> </li> <li>2. Menyediakan program pemantauan dan memastikan jadual pembersihan dipatuhi</li> </ul>
B2	Dinding dan Siling	<ul style="list-style-type: none"> <li>3. Memastikan dinding dan siling bersih daripada kekotoran dan dalam keadaan baik.</li> <li>4. Menyediakan hiasan yang bersesuaian dan selaras dengan imej korporat</li> </ul>
B3	Lampu dan Soket	<ul style="list-style-type: none"> <li>5. Memastikan semua lampu bersih, berfungsi dan dalam keadaan baik.</li> <li>6. Memastikan soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik</li> </ul>

## KEPELUAN UMUM

SUB KOMPONEN		KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN
B4	Susun Atur Peralatan	<p>7. Menyeragamkan susunan laci meja/ kekaki boleh gerak (<i>mobile pedestal</i>)</p> <p><b>Susunan laci meja/ <i>mobile pedestal</i>:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Laci paling atas dilabelkan “<b>ALAT TULIS</b>” dan dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas mengikut kreativiti pegawai</li> <li>b. Laci tengah dilabelkan “<b>PELBAGAI</b>”. Semua bahan pelbagai hendaklah disusun kemas mengikut kreativiti pegawai</li> <li>c. Laci bawah dilabelkan “<b>PERIBADI</b>” dan digunakan bagi menempatkan alatan/ barang peribadi pegawai</li> <li>d. Sekiranya bilangan laci meja yang dibekalkan tidak seragam (kurang atau lebih), maka keutamaan penyimpanan adalah kepada peralatan kegunaan harian pejabat seperti alat tulis, buku catatan dan dokumen rasmi</li> <li>e. Sekiranya dua (2) tingkat laci meja dibekalkan, maka</li> </ul>



		<p>tiada laci bagi menempatkan alatan/ barang peribadi pegawai</p> <p>8. Memastikan peralatan kerja di ruang kerja/ kubikel dalam keadaan teratur dan kemas:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Komputer</li> <li>Dulang (<i>Tray</i>)</li> <li><i>Folder/ fail</i></li> <li>Perhiasan tidak keterlaluan</li> <li>Kedudukan laci</li> </ol>
B5	<b>Keadaan Peralatan</b>	<p>9. Menyusun alat tulis dengan kemas dan teratur di atas meja/ dulang (<i>tray</i>)/ dalam laci</p> <p>10. Memastikan semua peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan</p> <p>11. Memastikan tanda/ label bersesuaian bagi barang yang disimpan dalam ruang tertentu/ laci</p> <p>12. Memastikan semua peralatan bebas daripada debu, bersih dan kemas</p> <p>13. Mempamerkan tatacara penggunaan untuk peralatan guna sama (yang bersesuaian)</p> <p>14. Mempamerkan arahan/ notis bagi memastikan peralatan disusun kemas</p>
B6	<b>Pelabelan dan Papan Tanda/ Tanda Arah</b>	<p>15. Menyediakan tanda nama pegawai/ kakitangan pada bilik atau kubikel yang seragam</p> <p>16. Menyediakan label yang bersesuaian dan seragam bagi menunjukkan bahagian/ seksyen/ unit</p> <p>17. Menggunakan papan tanda/ tanda arah dengan tulisan yang sesuai, jelas dan mudah dibaca</p> <p>18. Meletakkan papan tanda/ tanda arah pada kedudukan strategik dan mudah dilihat</p>
B7	<b>Perhiasan</b>	<p>19. Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat</p> <p>20. Memastikan perhiasan yang digunakan tidak berdebu dan dalam keadaan baik</p>
B8	<b>Keperluan Umum</b>	<p>21. Menyedia dan memaparkan pelan lantai di bilik/ ruang guna sama yang mudah dilihat</p> <p>22. Menyedia dan memaparkan pelan lampu di bilik/ ruang guna sama yang mudah dilihat (sekiranya melebihi dua suis)</p> <p>23. Memaparkan Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-7) di semua bilik/ ruang</p> <p>24. Melantik Pegawai Bertanggungjawab atau <i>Person-in-Charge (PIC)</i> bagi setiap ruang/ bilik guna sama berserta nombor telefon untuk dihubungi</p>



		<p>25. Menyedia dan memaparkan etika/ tatacara penggunaan bilik gunasama dengan jelas</p> <p>26. Merencanakan inisiatif/ tindakan proaktif pombaikan sekiranya berlaku kerosakan dengan segera (jika ada)</p>
--	--	---

## **RUANG KERJA**

<b>SUB KOMPONEN</b>		<b>KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN</b>
B9	<b>Meja Kerja Warga/ Kubikel Kerja</b>	<p>27. Memastikan meja kerja kemas dan peralatan disusun dengan baik</p> <p>28. Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat</p>
B10	<b>Bilik Pegawai</b>	<p>29. Memastikan meja kemas dan peralatan disusun dengan baik</p> <p>30. Memastikan susunan perabot kemas</p> <p>31. Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat</p>
